

Selagi Sukarno Menjadi Presiden Indonesia Akan Hancur

Ada sebahagian pihak memandang bahawa rencana wakil kita mengenai sekeliling perjuangan Sukarno yang dipandang dari segi Islam itu berat sebelah.

Berhubung majalah ini berdasarkan menuju kepada kedaulatan Islam, maka pandangan dan pendapat itu hanya diasaskan dari segi dan pandangan Islam serta perkembangan-perkembangan dan kerana kemaslahatan umat Islam maka cita-cita yang berlawanan dengan Islam mesti kita beri petunjuk kepada umat Islam yang cintakan keislamannya. Segala pandangan menyebelahi kepada kebahagiaan dan kemunafikan orang-orang Islam sahaja yang kita siarkan di sini dan sebab itulah kita lebih bersetuju dengan makalah wakil kita ini – P.Q

Oleh: Wakil Khas Kita

Dewan Nasional yang dicita-cita dan dicipta oleh Sukarno sudah dibentuk dengan terbentuknya Dewan Nasional itu maka menjadilah negara Indonesia itu sebagai sebuah negara diktator. Tuan Asa'ah salah seorang pemimpin Indonesia yang terkenal di dalam pidatonya dalam sebuah rapat umum pernah mengatakan bahawa seseorang Presiden yang tidak dipilih oleh rakyat telah berkuasa mengubah undang-undang yang dibuat oleh wakil-wakil rakyat di Dewan rakyat Indonesia. Hal yang demikian ini tentunya menjadi satu bukti yang nyata bahawa Presiden Sukarno yang sepatutnya meletakkan jawatannya dan mengadakan pemilihan bagi jawatan Presiden itu menyedari bahawa rakyat Indonesia itu mengetahui bahawa Presiden yang ada sekarang bukan Presiden yang dipilih oleh rakyat.

Sifat kediktatoran yang dijalankan itu semakin hari semakin jelas dan rancangan-rancangan dijalankan dengan sistem Komunis atau pun sistem Pancasila telah dibuat dengan pintanya di merata bahagian terutamanya di dalam bahagian-bahagian ketenteraan.

Pada masa ini umat Islam Indonesia masih ada mempunyai kekuatan atau pengaruh-pengaruh di dalam ketenteraan dan di dalam pentadbiran, tetapi pada masa sekarang umat

Islam Indonesia sudah mulai didesak di dalam mana umat itu dari masa ke masa dilumpuhkan di dalam berbagai-bagai lapangan yang memerintah atau memegang pemerintahan cuba disingkirkan dan di dalam sekolah-sekolah tentera (kadet) telah pula dipersulitkan bagi pemuda-pemuda Islam untuk mendapat jawatan-jawatan itu dan bagi pemuda-pemuda lainnya dihidupkan semangat Pancasila supaya nanti apabila tiba saatnya banyaklah dikalangan tentera itu orang-orang yang menjadi pengikut Sukarno untuk melaksanakan lebih kuat lagi segala hal-hal yang mengenai kediktatoranya. Dengan ringkasnya dalam segala lapangan dengan kuasa Dewan Nasional itu nanti, Sukarno menyusun barisan orang-orang yang menjadi pengikutnya dan dengan demikian pula di Indonesia kedudukan umat Islam yang dibencinya itu lumpuh.

Apabila masalah keributan di Indonesia berlaku dan Perdana Menteri yang ada sekarang diubah maka Presiden Sukarno telah menyerahkan kepada Perdana Menteri Juanda 68 nama-nama anggota Parlimen yang dimasukkan ke dalam "list hitam" sampai ditangkap atau ditahan dan diantara nama-nama itu dikatakan termasuk Dr Hatta, bekas Wakil Presiden Indonesia, Sutan Sjahrir

dari Parti Sosialis Indonesia, Mohammad Natsir dari Masyumi dan lain-lain pemimpin khususnya dari anggota Masyumi. Untungnya Juanda tidak mahu menjalankan langkah-langkah itu dan kalau ia akan dipaksa meletakkan jawatannya menjadi Perdana Menteri? Tetapi adalah menjadi satu soal dan menjadi satu pertanyaan dengan cara terbentuk Jemaah Menteri yang baharu bahawa tokoh-tokoh yang enggan duduk di sana diugut akan ditembak oleh orang-orang Presiden Sukarno sendiri. Jika tidak akan melaksanakan cita-cita itu Sukarno akan menyuruh Juanda ditembak kalau tidak mahu mengasingkan atau menangkap 68 orang yang dipandang menghalang segala cita-cita dan kemahuannya.

Apakah ertinya semua ini?

Jawabnya tidak lain dan tidak bukan hanya orang-orang yang menghalang kemahuan Sukarno mestilah diasingkan supaya senang ia menguasai seluruh Indonesia dengan kekuasaan diktator.

Satu parti satu tujuan memerintah sahaja yang dikehendaki dan untuk mendapatkan itu semua maka tenaga di dalam parti Komunis adalah dihajati olehnya. Dengan kerana itu di bandar-bandar besar pegawai-pegawai dari Parti Komunis itulah yang lebih banyak dari parti-parti Islam sedang seberapa daya bahawa parti Islam itu dengan beberapa cara disingkirkan daripada pemerintah.

Bagi parti-parti Islam hal seumpama ini adalah mustahak diperhati dan mencari langkah dengan seberapa segera supaya tidaklah nanti sesudah lemah baru hendak menegakkan cita-cita perjuangan Indonesia sekarang bukannya sahaja di dalam lapangan politik tetapi yang besarnya di dalam lapangan ideologi. Kalau orang-orang yang seperti Natsir duduk di dalam pimpinan Islam, melihat keadaan-keadaan ini maka sudah nyata dan terang bahawa Natsir tidak boleh dijadikan pimpinan untuk menghadapi mereka kerana

langkah-langkah Natsir selalu banyak fikirannya dan banyak memberi beralah sehingga dengan sebab-sebab yang demikian dari satu ke satu masa barisan Islam semakin lemah dan semakin runtuh sedangkan barisan-barisan anti Islam di Indonesia semakin kuat dan semakin berkuku.

Kematian dua orang pemimpin dari Parti Nasionalis Indonesia Sadiq Joyosoekarto dan Mangunsarkoro baru-baru ini – yang kedua-duanya terkenal sebagai orang nasionalis kiri yang pro Komunis – adalah memberi satu harapan baru kepada parti-parti Islam supaya Pasti Nasionalis itu berubah haluannya daripada pro merah – dapat bekerja sama dengan parti-parti Islam semula sebagai dahulu. Perasaan tidak puas hati di dalam Parti Nasionalis itu sendiri, di atas dasar-dasar Presiden sememangnya telah timbul beberapa lama tetapi kekuatan merebutkan kekuasaan di dalam parti itu sendiri oleh pihak muda atau yang dikenal dengan pihak Wilopo masih samar-samar lagi.

Bagaimana keadaannya pula dengan Dewan Nasional? Jawabannya boleh didapat bahawa Dewan Nasional itu sebagai pemimpinnya ialah Sukarno sendiri dan sebagai Setia usahanya dilantik Roeslan Abdulgani. Ia adalah bekas Menteri Luar Indonesia yang telah dihukum oleh kerajaan Indonesia dengan kesalahan berkaitan dengan makan suap.

Sebelum Roeslan Abdulgani telah dicalonkan sebagai wakil Ketua Dewan itu Anak Agung Gadi Agung tetapi malangnya dijadikan sebab bahawa Anak Agung itu ada cacatnya kerana dahulu ia orang Federal.

Tetapi mengapa pula diambil Roeslan Abdulgani? Pada hal ia seorang pegawai, seorang Menteri yang sudah dihukum oleh undang-undang negara kerana makan suap? Jawabannya tidak lain, sebagaimana dahulu pernah

dikatakan bahawa Roeslan Abdulgani ialah orang yang hampir dan rapat dengan Sukarno. Penaja dari P.N.

I sendiri selalu menyatakan kehampaannya bahawa: Mengapa seseorang pegawai negara yang sudah melanggar hukum-hukum pidana dan telah dihukum mengikut undang-undang pidana masih lagi dipertahankan kedudukannya dengan Parti Nasionalis mengadakan pungutan-pungutan derma untuknya? Ia sendiri menyatakan

ketidakpuasan hatinya itu, ketidakpuasan perasannya terhadap langkah, dan perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang P.N.I. menegakkan benang basah nya itu.


Bagaimana kedudukan Indonesia pada masa yang akan datang? Jawapannya akan dapat dilihat dalam beberapa bulan ini. Catuan beras telah dikurangkan sebanyak lima puluh peratus. Sebabnya kerana untuk memesan diluar negeri wang sudah tidak ada lagi. Hasil-hasil dari daerah-daerah dalam keadaan

perkembangan sekarang, tidak dapat menjamin keselamatan untuk membeli dari luar negeri, dan pinjaman dari Amerika tidak boleh diharap disebabkan Amerika sudah memandang bahawa perubahan pemerintahan yang dijalankan oleh Sukarno, ringkasnya konsepsi Sukarno, tidak layar dan tidak bukan bercorak Komunis dan sangat merbahaya kepada keselamatan umat Islam Indonesia.

Amerika memberi bantuan bermakna memberi kekuatan kepada musuh – kepada Komunis untuk menjadikan negara Indonesia itu negara Komunis.

Marilah kita lihat bersama apa yang akan terjadi dan bagaimana kesudahannya kedudukan di Indonesia itu.

Apakah yang harus dibuat oleh umat Islam Indonesia? Inilah yang akan ditulis pada bulan hadapan.



Sebahagian dari pelajar "Qasm al-Thānawī" Madrasah al-Nahdah, Bukit Besar, Alor Setar. Duduk di tengah-tengah: Ustaz Abdul Karim Hajj Hassan, di kanannya saudara Ismail Hassan, (Ikhwan: 17) dan berdiri nombor tiga dari kiri: saudara Abdullah Hassan (Ikhwan: 2959).